

BAB KELIMA
ANALISA PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG MURTAD
DI SELANGOR

5.0 Pendahuluan

Merujuk kepada perbincangan di dalam bab 2, 3 dan 4, maka penulis akan menganalisa data-data yang diperolehi dari bab-bab tersebut. Analisa ini akan memberi jawapan adakah perundangan yang berkaitan murtad di negeri Selangor menepati kehendak *maqāṣid shar'iyah* atau tidak. Perbincangan dalam bab ini juga akan menghasilkan kesimpulan dan cadangan yang perlu diketengahkan kepada pihak berkuasa di negeri Selangor bagi membolehkan tindakan pembetulan kepada perundangan sedia ada diambil dan seterusnya memperkasakan perundangan tersebut.

5.1 Penerimaan Konsep *Hifz al-Dīn* Dalam Menangani Isu Murtad

Islam sebagai agama yang lengkap telah memperkenalkan konsep *hifz al-dīn* sebagai suatu kaedah yang praktikal bagi menangani isu murtad. Kaedah ini meliputi *al-hākimiyyah*, *al-tarbiyyah*, *al-wiqāyah* dan *al-'uqūbah*. Persoalannya, adakah konsep ini dihayati di dalam pentadbiran undang-undang Islam di negeri Selangor? Pada prinsipnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 telah meletakkan asas yang kukuh bahawa Islam adalah agama negeri.¹ Peruntukan ini selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan, yang meletakkan kedudukan Islam sebagai agama

¹ Perkara 47, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

persekutuan.² Namun ia hanya ditafsirkan sebagai agama rasmi negara sahaja.³ Oleh itu, ia mempengaruhi tafsiran Islam sebagai agama di negeri Selangor. Begitu juga dengan perundangan Islam di negeri Selangor.

Justeru itu, peruntukan kebebasan beragama yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan negeri boleh ditafsirkan sebagai ruang untuk orang Islam keluar dari agama Islam. Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan pada asasnya menjamin kebebasan beragama kepada setiap orang sama ada orang Islam atau bukan Islam. Peruntukan ini memenuhi kehendak Perkara 18 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia 1948. Namun, walau pada prinsipnya bertepatan dengan hukum syarak. Tetapi peruntukan ini terlalu luas sehingga boleh ditafsirkan bahawa orang Islam juga bebas memilih agama, sedangkan mengikut hukum syarak hanya orang bukan Islam sahaja yang diberikan kebebasan ini dan orang Islam tidak dibenarkan memilih agama selain Islam.

Walaupun Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan telah menegaskan ciri-ciri seorang berbangsa Melayu adalah seorang yang beragama Islam. Sedangkan Perlembagaan tidak memperuntukkan undang-undang untuk keluar bangsa dan tiada peruntukan membenarkan memilih bangsa sebagaimana memilih agama. Oleh itu secara tidak langsung orang Melayu telah disekat oleh Perlembagaan untuk murtad. Namun, bangsa lain yang beragama Islam seperti Cina, India dan lain-lain, mereka boleh murtad.

² Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan.

³ *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* [1988] 2 MLJ 55.

Persoalan yang timbul ialah syariat Islam tidak membenarkan murtad kepada penganutnya, walau apa pun latarbelakang bangsanya. Sesiapa yang disabitkan dengan jenayah murtad akan dijatuhkan hukuman bunuh. Oleh itu, mereka tiada peluang untuk hidup sebagai seorang yang murtad dan menganut agama selain agama Islam. Di sini berlaku pertembungan antara hukum syarak dan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen maka Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi dan mengatasi undang-undang yang lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 4(1), Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula, negara ini mengamalkan undang-undang bertulis, sedangkan hukum syarak tidak dikategorikan sebagai undang-undang bertulis. Oleh itu, undang-undang bertulis yang terpakai di negara ini. Konflik ini berpunca dari tafsiran Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan. Jika Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan ditafsirkan sebagai Islam menjadi dasar pemerintahan negara maka Perkara 11(1) akan dibaca bersama dengan Perkara 3(1). Oleh itu Perkara 11(1), akan menjurus kepada kebebasan orang bukan Islam memilih agama mereka, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.

Kedudukan ini menyebabkan ramai muallaf murtad semula setelah mereka memeluk Islam dan kebanyakan mereka adalah muallaf berbangsa India dan Cina. Namun media juga melaporkan kes orang Melayu yang keluar dari Islam seperti kes Aisyah Bohari, Hartina Kamarudin dan Azlina Jailani atau lebih dikenali sebagai Lina Joy. Statistik yang diperolehi dari Mahkamah Syariah Selangor membuktikan permohonan murtad telah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Data ini menunjukkan bahawa gejala murtad telah berlaku. Walaupun kes-kes tersebut masih

belum diputuskan oleh Mahkamah Syariah tetapi dari hukum syarak murtad boleh berlaku dengan niat sahaja. Permohonan yang dikemukakan bukan sahaja menunjukkan bahawa pemohon ada niat untuk murtad, malah niatnya disusuli dengan perbuatan iaitu mengemukakan permohonan murtad. Data yang sama juga dikesan di Mahkamah Sivil, khususnya bagi kes-kes sebelum tahun 2003, iaitu sebelum Enakmen membenarkan permohonan murtad dikemukakan di Mahkamah Syariah. Begitu juga dengan pengalaman penulis serta temubual yang dijalankan membuktikan bahawa kes murtad telah berlaku dan tidak dapat disembunyikan lagi.

5.2 Kedudukan Undang-Undang yang Berkaitan Bagi Menangani Isu Murtad

Perkara 48, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 telah memperuntukkan supaya ditubuhkan MAIS untuk mengawal selia hal ehwal Islam dan menasihati Sultan berkenaan agama negeri iaitu Islam di negeri Selangor. Namun demikian, di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, tidak diperuntukkan dengan jelas bahawa MAIS adalah bertanggungjawab menjaga kesucian Islam, memastikan Islam diamalkan dan menyebarkan Islam. Sedangkan itulah Perkara dasar yang diperuntukkan oleh Perkara 48 Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Perkataan “mengawalselia hal ehwal Islam” di dalam peruntukan tersebut bersamaan dengan maksud *ḥifz al-dīn* dalam *maqāṣid shar’iyyah*. Sepatutnya, Enakmen ini menjelaskan bahawa MAIS berperanan untuk memastikan perkara *dharūriyyat* dalam Islam iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta dicapai. Tetapi seksyen yang ada hanya menekankan aspek harta sahaja dan empat aspek yang

lain dirangkumkan dalam satu ayat iaitu kemajuan sosial masyarakat Islam di dalam seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Oleh itu, peruntukan undang-undang mengenai aktiviti dakwah juga tidak jelas. Sedangkan Perkara 11 (4) hanya melarang agama bukan Islam disebarkan kepada orang Islam. Perlembagaan tidak pernah melarang agama Islam disebarkan kepada orang bukan Islam. Malah Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan membenarkan kerajaan persekutuan dan negeri menggunakan dana awam untuk menubuhkan, membiayai, dan menyelenggara institusi pengajian Islam. Ini bermakna aktiviti dakwah disokong oleh Perlembagaan. Tetapi undang-undang di negeri Selangor tidak dinyatakan dengan jelas. Namun begitu, kerajaan negeri Selangor menyediakan Peraturan – Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) Tahun 2008 bagi memastikan ajaran Islam disampaikan oleh mereka yang berkelayakan. Walaupun peraturan ini adakalanya dilihat sebagai sekatan kepada kelompok yang tidak sehaluan dengan pemerintah, tetapi dari segi *hifz al-dīn* ia adalah langkah yang tepat bagi menjamin ajaran Islam disampaikan oleh pihak yang berkelayakan sahaja.

Penulis juga mendapati pihak JAIS telah memainkan peranan yang amat aktif untuk menyebarkan Islam kepada orang bukan Islam dan meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan orang Islam. Dakwah JAIS dilaksanakan oleh sebuah Jawatankuasa Dakwah di peringkat MAIS. Peranan JAIS juga disokong oleh institusi masjid dan surau serta pertubuhan bukan kerajaan.

Proses pemeluk Islam juga telah dinyatakan dengan jelas di dalam Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Muallaf (Negeri Selangor) 2009. Walaubagaimanapun penulis berpendapat masih terdapat masalah birokrasi yang berlaku boleh diringkaskan bagi menyegerakan proses pendaftaran. Peraturan ini juga telah memberikan garis panduan yang jelas mengenai pendidikan kepada para muallaf selepas mereka memeluk agama Islam. Masalah utama pada peringkat ini ialah penguasaan ilmu agama dan kemahiran guru dalam membimbing para muallaf.

Kerajaan Negeri Selangor juga bergerak aktif dalam menawarkan pendidikan Islam dari peringkat pra sekolah sehinggalah ke sekolah menengah dan kolej universiti. Namun demikian nisbah sekolah agama yang dibuka masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sekolah bukan aliran agama. Di samping itu, pengaruh sekularisma dalam sistem pendidikan masih ketara walaupun falsafah pendidikan negara telah menggariskan bahawa pendidikan di Malaysia hendaklah berteraskan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Nisbah jumlah jam bagi mata pelajaran pengajian Islam juga masih rendah sama ada di peringkat rendah atau menengah di sekolah aliran bukan agama.

5.3 Pencegahan Murtad

Hasil kajian ini mendapati Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam mula diperkenalkan di negeri Selangor pada tahun 1988. Namun demikian sehingga kini belum ada satu kes dibicarakan di Mahkamah Sivil

berasaskan Enakmen ini di negeri Selangor. Penguatkuasaan yang terlalu lemah ini menyebabkan dakwah untuk memurtadkan orang Islam di negeri Selangor semakin ketara. Keputusan Mahkamah Tinggi bagi membolehkan orang bukan Islam menggunakan kalimah Allah telah menyebabkan enakmen ini disebut dan dibahaskan kembali. Walaubagaimanapun sejauhmana enakmen ini akan dikuatkuasakan masih menjadi persoalan. Malah kes penggunaan kalimah Allah masih di peringkat Mahkamah Rayuan.

Namun demikian usaha dakwah di peringkat JAIS dilihat menyeluruh tetapi masih perlu dipertingkatkan. Penubuhan Bahagian Pembangunan Insan di MAIS dan pemeraksanaan bahagian Dakwah dan pendidikan di JAIS banyak membantu usaha menjaga akidah orang Islam. Walaubagaimanapun Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pula didapati tidak memperuntukkan dengan jelas bahawa MAIS adalah bertanggungjawab menjaga kesucian Islam, memastikan Islam diamalkan dan menyebarkan Islam. Sedangkan itulah semangat yang diketengahkan dalam Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 48 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, iaitu mengawal selia hal ehwal Islam dan menasihati Sultan berkenaan agama negeri iaitu Islam. Perkataan “mengawalselia hal ehwal Islam” bersamaan dengan maksud *ḥifz al-din* dalam *maqāṣid shar’iyyah*. Sepatutnya, Enakmen ini menjelaskan bahawa MAIS berperanan untuk memastikan perkara *ḍharūriyyat* dalam Islam iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta dicapai. Tetapi peruntukan yang ada lebih menekankan aspek harta sahaja dan empat aspek yang lain dirangkumkan dalam satu ayat iaitu kemajuan sosial masyarakat Islam.

5.4 Penelitian Peruntukan Murtad di Selangor dari Kerangka *Maqāsid Shar'iyah*

Kajian ini mendapati undang-undang murtad tidak diperuntukkan di negeri Selangor, sama ada dalam perundangan sivil atau syariah. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 1952 dan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Negeri Selangor) 1989 tidak memperuntukkan undang-undang murtad. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, juga tidak memperuntukkan murtad sebagai jenayah. Enakmen ini hanya memperuntukkan kesalahan takfir. *Takfir* adalah kesalahan yang dilakukan oleh pihak kedua, iaitu seseorang menuduh seseorang yang lain sebagai kafir. Kesalahan *takfir* hanya berlaku apabila orang yang menuduh gagal membuktikan dakwaannya. Jika orang yang mendakwa berjaya membuktikan dakwaannya maka tidak timbul persoalan *takfir*. Namun demikian tiada undang-undang yang boleh menjatuhkan hukuman kepada orang yang didapati telah kafir atau murtad kerana tidak diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah ini. Oleh itu jenayah murtad yang telah berjaya dibuktikan tidak boleh dijatuhkan hukuman ke atas pelakunya.

Walaupun peruntukan ini ada kaitan dengan jenayah murtad tetapi ia adalah perkara cabang atau *furū'* dan bukan perkara pokok atau *uṣul*. Perkara pokok dalam isu ini adalah murtad. Merujuk kepada pertimbangan *maqāsid shar'iyah*, mendahulukan perkara *ḥajiyyat* dari *ḍharūriyyat* adalah suatu yang bersalahan dari sudut *aulāwiyyat* atau keutamaan. Oleh itu memasukkan peruntukan *takfir* dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah tidak salah tetapi adalah lebih utama memasukkan peruntukan mengenai jenayah murtad.

Dapatan yang menarik juga dari isu ini ialah peruntukan *takfir* adalah seragam di kebanyakan negeri iaitu Perlis, Sarawak, Kedah, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Trengganu. Persoalannya kenapa di dalam isu *takfir* kebanyakan negeri bersetuju menerima seksyen ini sepenuhnya tanpa sebarang pindaan tetapi di dalam isu murtad wujud kepelbagaian pendekatan undang-undang. Jika disorot dari segi latarbelakang kelahiran peruntukan ini, ia berkait rapat dengan dakwaan parti pemerintah bahawa parti pembangkang telah menggunakan isu takfir dalam kempen pilihanraya. Justeru peruntukan ini diterima sepenuhnya kerana ia berkait rapat dengan *survival* politik pemerintah pada masa itu. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa keselarasan undang-undang murtad khususnya dan undang-undang lain amnya akan berjaya ditegakkan sekiranya ada “*political will*” yang jitu dari pihak kerajaan.

Walaupun bagaimanapun isu murtad mula disentuh oleh undang-undang di negeri Selangor pada tahun 2003 apabila seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah berbidangkuasa untuk membuat :

- (x) *pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;*
- (xi) *pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya;*


Seksyen ini telah memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk membicarakan kes permohonan murtad. Walaupun peruntukan ini bertepatan dengan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan, tetapi adakah ia bertepatan dengan kehendak *maṣlahah al-mu'tabarah* atau *maṣāliḥ al-mursalah*? *Maqāsid* atau objektif penurunan

syari'ah Islam adalah untuk menjaga *maṣlaḥah* agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. *Maṣlaḥah* yang diterima shara' ialah *maṣlaḥah mu'tabarah* dan *maṣāliḥ mursalah* sahaja. Manakala *maṣlaḥah mulghāh* adalah ditolak. Kajian ini mendapati bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah untuk menerima permohonan murtad adalah dengan mengambil kira jenayah murtad yang semakin berleluasa. Dalam keadaan tiada undang-undang murtad, telah ramai orang Islam murtad sama ada secara sembunyi atau dengan cara pertukaran nama di Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh itu, lebih baik ada undang-undang untuk mengawal jenayah murtad dari berleluasa. Ini bermakna mewujudkan peruntukan di atas adalah berdasarkan *maṣlaḥah* semasa.

Persoalannya adakah *maṣlaḥah* tersebut bertepatan dengan kehendak *maṣlaḥah mu'tabarah* atau *maṣāliḥ mursalah*? Bagi menentukan kedudukan ini maka perbincangan mengenai undang-undang murtad yang sedia ada hendaklah dilihat dari kerangka hukum syarak. Syarak menghukumkan murtad sebagai haram dan dikategorikan sebagai kesalahan jenayah. Oleh itu ia tidak boleh dipohon untuk dilaksanakan tetapi mesti ditegah dan dihalang. Perkara ini disepakati oleh lapan mazhab fiqh iaitu, Mālikī, Ḥanāfī, Shāfi'ī, Ḥanbālī, Zaidiyyah, Ja'fariyyah, Imāmiyyah dan al-Zāhiriyyah. Oleh itu, memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk menerima permohonan murtad bermakna meletakkan jenayah murtad sebagai kes mal dan bukan kes jenayah. Secara tidak langsung ia menghalalkan murtad. Sedangkan hukum syarak mengharamkan perbuatan murtad. Oleh kerana ia berlawanan dengan hukum syarak, maka ia dikategorikan sebagai *maṣlaḥah mulghāh*. *Maṣlaḥah mulghāh* ditolak untuk dijadikan hujah bagi menegakkan sesuatu hukum atau undang-undang dalam hukum syarak. Jika

maṣlahah mulghāh diterima dalam kes murtad maka ia boleh dijadikan hujah bahawa pelacuran, judi, dan arak juga boleh dipohon untuk dilakukan oleh orang Islam kerana ada kebaikan untuk negara seperti perolehan hasil kutipan cukai dari aktiviti-aktiviti tersebut boleh memajukan negara. Jelasnya, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 mengategorikan persetubuhan luar nikah, judi dan arak sebagai kesalahan syariah.

Jadual 5.1 : Analisa Bidang Kuasa Murtad di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Berasaskan *Maqāṣid Shar’iyyah*



Sumber: Rumusan Penyelidik

Merujuk kepada peruntukan yang sama di Pulau Pinang, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah⁴ menafsirkan seksyen tersebut dalam kes *Fatimah Tan Abdullah*⁵ adalah kes yang berkaitan dengan keraguan status keislaman seseorang sama ada dia Islam atau bukan Islam, sedangkan pada asalnya dia seorang kafir. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang menambah, dengan menyatakan menafsirkan seksyen 61(3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 sebagai permohonan murtad adalah berlawanan dengan objektif syariah.⁶ Namun tafsiran ini tidak terpakai di

⁴Datuk Haji Ibrahim bin Lembut Pengerusi Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Dato’ Muhamad Asri bin Haji Abdullah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Datuk Haji Abu Bakar bin Ahmad, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pulau Pinang pada 16 Mac 2009 bersamaan 19 Rabiulawal 1430H

⁵ Kes Rayuan Mal Bil : 07000-043-0003-2008 Mahkamah Rayuan Syari’ah Pulau Pinang.

⁶ *Ibid.*

negeri Selangor. Oleh itu kes yang dibicarakan adalah berkaitan permohonan murtad seperti permohonan murtad Zurina Mohd Chan⁷ dan Sarina Mohd Chan⁸.

Lebih malang lagi, seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 hanya memperuntukkan mengenai bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Selangor untuk membicarakan permohonan murtad. Walaubagaimanapun tatacara perbicaraan permohonan murtad tidak dinyatakan di dalam mana-mana undang-undang. Oleh itu ia menyebabkan permohonan yang dikemukakan tidak dapat dibicarakan hingga tamat. Ini dibuktikan dalam kes Salimah⁹ dan Salim¹⁰. Kedua-dua kes ini telah didaftarkan pada tahun 2004 tetapi sehingga tahun 2010, kes ini masih diperingkat sebutan.

Namun demikian peruntukan undang-undang mal masih lagi diperlukan di dalam isu ini bagi menyelesaikan status pertikaian status agama seseorang sama ada pengislaman seseorang tadi sah atau tidak. Begitu juga bagi menentukan status si mati sama ada Islam atau bukan Islam seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 61 (11). Justeru seksyen 60 (10) perlu dipinda supaya maksud seksyen tersebut hanya bagi menentukan pertikaian pengesahan status agama seseorang dan bukan memohon untuk keluar dari Islam.

⁷ No fail kes : 10200-043-0319-2006 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

⁸ No fail kes : 10200-043-0320-2006 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

⁹ No fail kes : 10200-043-223-2004 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

¹⁰ No fail kes : 10200-043-224-2004 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

5.5 Kesan Ketiadaan Perundangan Murtad di Selangor

Situasi tergantung seperti ini, menimbulkan beberapa isu lain. Antaranya, pusat pemulihan akidah Baitul Iman, Hulu Yam, Selangor hampir ditutup kerana ketiadaan calon yang ditempatkan di situ. Akibatnya fungsi pusat tersebut diluaskan kepada masalah sosial. Apabila keperluan tidak mendesak bagi menangani masalah jenayah murtad di pusat berkenaan, maka tiada daya usaha diambil secara serius bagi membangunkan modul pemulihan kes murtad melalui proses *istitābah*. Begitu juga dengan keperluan menyediakan prosedur bagi menangani masalah kekeluargaan disebabkan kes murtad. Oleh itu agensi dan infrastruktur yang sedia ada di negeri Selangor tidak dapat berfungsi sepenuhnya bagi mengendalikan kes murtad dengan berkesan. Sedangkan kes murtad telah berlaku di negeri Selangor.

Jabatan Mufti Selangor yang diberi amanah untuk mengurus jenayah murtad tidak dapat bertindak dengan berkesan kerana tindakan yang diambil hanya sekadar arahan pentadbiran yang tidak disandarkan dengan mana-mana undang-undang. Oleh itu arahan yang diambil tidak mengikat pesalah murtad dan tidak dilindungi oleh undang-undang. Justeru itu, amat sukar bagi jabatan mufti menjustifikasikan permohonan perjawatan bagi mewujudkan Bahagian Pemantapan Akidah.

5.6 Kesimpulan

Analisa di atas mendapati, walaupun Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 telah meletakkan kedudukan Islam pada tahap yang amat istimewa tetapi ia tidak disokong dengan undang-undang bagi memastikan kesucian Islam terjamin, khususnya perundangan murtad. Oleh itu infrastruktur dan agensi yang sedia ada tidak dapat digerakkan secara maksima bagi menyekat orang Islam dari murtad. Justeru bagi melengkapkan perundangan sedia ada maka negeri Selangor amat memerlukan undang-undang murtad bagi mengekang jenayah ini dari terus berleluasa.